



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 12 SEPTEMBER 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	PERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN, NASIONAL, BH -8 AGRICULTURE MINISTRY AND BERNAS STRIVE TO ENSURE SUFFICIENT SUPPLY OF WHITE RICE, NATION, CHINA PRESS -A3 BERAS GANU HABIS 2 JAM!, LOKAL, HM -11 SUKAR DAPAT BERAS PUTIH TEMPATAN, LOKAL, HM -11 YAKIN BEKALAN MAMPU TAMPUNG PERMINTAAN, LOKAL, HM -11 BERAS GANU DAPAT PERMINTAAN LIMA KALI GANDA DI PASARAN, DALAM NEGERI, UM -29 PESAWAH ROMPIN PILIH JUAL PADI KEPADA KILANG SWASTA, DALAM NEGERI, UM -29 INFRASTRUKTUR, KETAHANAN TANAH ANTARA CABARAN TANAM PADI LIMA KALI DUA TAHUN, DALAM NEGERI, UM -29 BERAS GANU JADI PILIHAN UTAMA PENGGUNA, NASIONAL, BH -17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
10. 11.	PERLU BIMBINGAN JABATAN PERTANIAN TINGKAT HASIL LADANG DURIAN, NASIONAL, BH -17 PEKEBUN LEGA TPM ARAH HENTI SEGERA AP KELAPA, DALAM NEGERI, UM -31	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
12.	300 PAPAN TELUR, AYAM LICIN DALAM SETENGAH JAM DI KUALA LANGAT, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
13. 14.	WANITA BAGLADESH DITAHAN BAWA MASUK BIJI BENIH BAYAM TANPA SAH, DALAM NEGERI, UM -31 WANITA BANGLADESH DIBERKAS SELUDUP BENIH AYAM, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
15.	PENGELUARAN MAKANAN DIPERTINGKAT - PM, DALAM NEGERI, UM -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
16.	NELAYAN PULAU PINANG KECEWA, NEGERI, P.PINANG, SH -27	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Perkukuh keterjaminan makanan

**Kuala Lumpur:** Tumpuan sektor pertanian negara akan beralih kepada memperkukuh keterjaminan makanan dan meningkatkan daya saing subsektor agrikomoditi dengan menggiatkan aktiviti pertanian pintar merentasi semua sektor.

Usaha itu termasuk mempercepat penerimgunaan teknologi, menarik penyertaan minat bakat, penyedia teknologi dan memperluas saiz ladang bagi meningkatkan pengeluaran domestik.

Menurut laporan Kajian Sepuruh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) yang dikeluarkan Kementerian Ekonomi, perhatian khusus juga diberi untuk menerima pakai amalan mampan dan menerima guna memkanisasi serta automasi dalam subsektor perladangan bagi menggalakkan aktiviti yang menggabungkan kemampuan dan produktiviti.

Data Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara menunjukkan usaha guna tanah untuk aktiviti agromakanan di Semenanjung Malaysia adalah 0.9 juta hektar pada 2021.

Keluasan terbabit adalah 16.3 peratus daripada 5.4 juta hektar tanah pertanian di Semenanjung Malaysia, manakala baki 4.5 juta hektar adalah untuk subsektor agrikomoditi.

“Kawasan penanaman padi dan buah-buahan membabitkan lebih 70 peratus jumlah guna tanah untuk agromakanan. Guna tanah bagi agromakanan dianggarkan meningkat 1.2 peratus menjelang 2025, disumbangkan terutamanya oleh peningkatan kawasan penanaman sayur-sayuran dan akuakultur.

“Bagaimanapun, kawasan penanaman padi dianggarkan berkurangan 1.4 peratus dalam tem-

poh sama,” katanya.


Laporan itu juga mengunjurkan permintaan beras dijangka meningkat kepada 3.2 juta tan pada 2025 daripada 2.9 juta tan pada 2020.

Pengeluaran beras pula dijangka melebihi tiga juta tan menjelang 2025 dengan keluasan sawah berjumlah 427,894 hektar.

“Langkah akan diambil untuk menyatukan petak sawah kecil, memastikan infrastruktur pengairan dan saliran yang mencukupi serta memperkenalkan varieti baharu yang berhasiltinggi dan subsidi berasaskan prestasi,” katanya.

Selain itu, usaha pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran akan ditingkatkan bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dan eksport dengan tumpuan terhadap buah-buahan tidak bermusim serta sayur-sayuran tanah tinggi. BERNAMA

Headline	Agriculture Ministry and Bernas strive to ensure sufficient supply of white rice		
MediaTitle	China Press		
Date	12 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	170 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,353
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,060



■陈泓缣（右3）了解白米供应的情况。

## 農糧部和國稻公司 力保白米供應充足

（吉隆坡11日讯）农业及食品安全部副部长陈泓缣指出，进口白米涨价确实对消费者构成影响，但农粮部和国家稻米公司（BERNAS）致力确保市场上的白米供应充足稳定。

他今日在面子书撰文指出，他今早甫结束国会行程，就前往位於雪州巴生港口，巡视该公司的其中一间米仓，以检查白米供应。

“根据该公司上游和特许经营管理部主任阿都拉曼，平均每日有60至100辆承载量为40公吨的罗厘前来这间米仓，以运送白米到市场上。”

陈泓缣说，本地白米特别计划（BPT）计划将在本周开跑，先由该公司旗下的批发商分阶段把本地白米供应到市场上。

“部门的稻米及白米监管局，以及联邦农业销售局也已经受指示介入协调，以解决市面上缺乏本地米的课题。”

他也呼吁民众，若发现所处地区发生本地白米供应不足的问题，可通过网站 <https://skpb.kpk.gov.my/adu>、电邮至 [aduankpb@kpk.gov.my](mailto:aduankpb@kpk.gov.my)，或拨打热线03-88701751/1748/1183，向农粮部投诉。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2023	HARIAN METRO	LOKAL	11

## KENAIKAN HARGA BERAS IMPORT

# Beras Ganu habis 2 jam!

Oleh Faizul Azlan Razak  
am@hmetro.com.my

### Kuala Terengganu

Kenaikan harga beras import mendorong pengguna di negeri ini beralih kepada beras putih tempatan (BPT) keluaran tempatan iaitu Beras Ganu sebagai pilihan.

Tinjauan ke sebuah pasar raya di Kampung Losong di sini, yang menjual produk keluaran anak syarikat kerajaan negeri mendapati Beras Ganu dijual pada harga RM26 bagi 10 kilogram (kg) manakala RM13 untuk lima kg.

Pesara kerajaan, Zainudin Mohamad, 63, dari Dungun berkata, disebabkan kenaikan harga beras import yang mendadak membuatkan dia memilih Beras Ganu yang jauh lebih murah.

Menurutnya, dia membeli Beras Ganu selepas kesukaran mencari beras tempatan serta isu kenaikan harga beras import.

"Saya mahu mencuba Beras Ganu selepas melihatnya tular di media sosial beberapa hari lalu dan kebetulan datang ke Kuala Terengganu atas urusan di hospital, saya mengambil



**"Saya mahu mencuba Beras Ganu selepas melihatnya tular"**  
Zainudin

PENGURUS Jualan dan Pemasaran pengedar beras tempatan Al-Amin Barokah Sdn Bhd, Muhd Amirul Asyraf Abdul Rahman menyusun Beras Ganu untuk dijual kepada pelanggan. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

peluang datang membeli beras ini," katanya ditemui di sini, semalam.

Pengguna lain, Wan Muhammad Luqman Afif, 27, dari Kampung Panji Alam di sini, berkata, dia bernasib baik dapat membeli Beras Ganu seberat lima kg.

Menurutnya, peningkat-

tan harga beras bukan saja dirasainya, malah memberi kesan kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga ramai.

"Saya sebelum ini membeli beras 10kg pada harga di bawah RM28, namun sekarang ada yang sudah mencecah RM47, sekali gus membebankan kepada

pengguna," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Al-Amin Barokah Sdn Bhd, Awang Ludin Mohamad berkata, pihaknya menerima 1,400 kampak Beras Ganu kali terakhir pada Sabtu lalu.

Menurutnya, bekalan itu tiba pada jam 3 petang dan

habis dijual dalam tempoh dua jam sahaja.

"Sekarang permintaan Beras Ganu sangat luar biasa hingga melebihi 10 kali ganda dan ia berlaku susulan kenaikan harga beras import dan sukar mendapat beras putih tempatan," katanya.

## Sukar dapat beras putih tempatan

**Kuala Lumpur:** Peniaga dan pelanggan di sekitar bandar raya ini mengeluh berikutan kesukaran mendapatkan bekalan beras putih tempatan dan minyak masak bersubsidi paket satu kilogram.

Tinjauan Harian Metro di beberapa kedai runcit dan pasar raya mini di sekitar Ampang, Wangsa Maju dan Pantai Dalam mendapati berlaku kekurangan bekalan beras super spesial tempatan (SST) dan bekalan minyak paket.

Peniaga kedai runcit di Ampang, Steven Koh, 62, berkata dia tidak mengambil stok beras putih tempatan kerana mahu menghabiskan stok beras import.

Katanya, bagaimanapun pelanggannya kecewa apabila gagal mendapatkan beras SST kerana harga beras import semakin meningkat kebelakangan ini.

"Dulu beras import dijual RM30.80 bagi pek 10 kilogram manakala manakala beras SST pada harga RM26. Tetapi harga beras import semakin naik menyebabkan pelanggan mencari beras SST, malangnya bekalan beras tempatan pula tiada," katanya.

## Yakin bekalan mampu tampung permintaan

**Seremban:** Kerajaan negeri memberi jaminan bekalan beras tempatan di pasaran mampu menampung permintaan pengguna meskipun berlaku penyesutan jumlah bekalan.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, pihaknya juga mendapati tiada kenaikan harga melebihi paras ditetapkan bagi bekalan bahan mentah itu.

"Semakan dan pemeriksaan harian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Op Jamin mendapati berlakunya kekurangan bekalan yang diterima, bagaimanapun tidak menjejaskan keberadaan beras di pasaran dan rak kedai.

"Semakan kenaikan harga juga mendapati tiada

yang melangkaui atau melanggar undang-undang Anti Kawalan Harga dan Anti Pencatutan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai isu bekalan yang disuarakan Pasaraya Mydin, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Jabatan Pertanian Negeri akan memberi maklum balas mengenai perkara itu.

Media sebelum ini melaporkan pasar raya itu kini hanya menerima 50 hingga 100 kampak bekalan beras tempatan sehari berbanding 1,000 hingga 2,000 kampak sebelum ini.

Veerapan juga memohon pengguna supaya tidak melakukan pembelian bekalan beras secara pukal yang bakal memburukkan lagi situasi kekurangan beras tempatan di pasaran.

# Beras Ganu dapat permintaan lima kali ganda di pasaran



**MOHD. Khairul Nizam Mohd. Razali** menunjukkan *Beras Ganu* yang dipasarkan di Pasaraya Ameen Hallmart, Losong, Kuala Terengganu. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOF

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI  
TENGGU YUSOFF**  
utusannews@mediamajala.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Beras keluaran anak syarikat kerajaan Terengganu, *Beras Ganu*, mendapat permintaan tinggi pengguna ekoran kenaikan harga beras import dan kekurangan beras tempatan lain di pasaran ketika ini.

Penasihat Syarikat Al-Amin Barokah Sdn. Bhd, Mohd. Khairul Nizam Mohd. Razali, berkata, permintaan terhadap *Beras Ganu* meningkat lima kali ganda sejak kenaikan harga beras import 1 September lalu.

Menurutnya, ramai pengguna beralih kepada beras berkenaan yang dijual pada harga RM13 bagi sekampit lima kilogram (kg) dan kampil 10 kg berharga RM26.

Tambah Mohd. Khairul Nizam, situasi itu turut didorong masalah bekalan beberapa jenama beras tempatan lain menyebabkan

sambutan di luar jangkaan terhadap produk *Beras Ganu*.

"Sebelum berlaku isu kenaikan harga beras (import) cuma 50 sehingga 100 kampil *Beras Ganu* terjual dalam masa sehari namun sejak minggu ini, 400 kampil habis dalam masa dua jam sahaja.

"Pihak kami terima bekalan dari pembekal atau pengilang di Besut seminggu sekali kini terpaksa menambah kekerapan stok baharu kepada setiap hari itupun hanya mampu menampung 60 peratus permintaan.

"Selain harga yang berpatutan, kualiti *Beras Ganu* juga antara yang terbaik dengan gred Super Special Tempatan (SST) menyebabkan menjadi 'buruan' pengguna," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tambah beliau lagi, pihaknya selaku pengedar tunggal *Beras Ganu* di negeri ini berhasrat meluaskanedaran bekalan di seluruh negara pada masa akan

datang, namun perlu menunggu bekalan beras kembali stabil.

Jelasnya, langkah itu diambil kerana bagi memenuhi pasaran dan permintaan pelanggan tempatan di Terengganu terlebih dahulu.

Seorang pengguna, Che Awang Che Rosli, 64, berkata, dia sanggup datang dari Kuala Berang, Hulu Terengganu bagi mendapatkan *Beras Ganu* selepas kesukaran mencari beras tempatan serta isu kenaikan harga beras import.

"Nak beli beras mahal sangat bukan semua orang berduit, lagi pun anak-anak ada memberi cadangan mencuba *Beras Ganu* selepas melihatnya tular di media sosial beberapa hari lalu.

"Sebelum ini boleh beli beras 10 kg pada harga di bawah RM27 atau RM28 tetapi sekarang ada yang sudah mencecah RM47, jadi memang membekalkan keluarga yang isi rumahnya ramai," katanya.

## Pesawah Rompin pilih jual padi kepada kilang swasta

**ROMPIN:** Pesawah daerah ini khususnya di Paya Sepayang dan Paya Setajam di sini memilih untuk menjual padi yang sedang dituai kepada kilang swasta kerana harga tinggi ditawarkan.

Di Paya Sepayang, terdapat 123 pesawah membabitkan kawasan seluas 274 hektar dan Paya Setajam 1,026 peserta (1,500 hektar).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah yang mahu dikenali sebagai Fazli, 40, berkata, sebelum ini, harga padi ditawarkan kilang swasta di situ sekitar RM1,200 satu tan metrik, namun bermula proses peneuaian bulan ini, ia meningkat kepada RM1,500 satu tan metrik.

"Pemotongan pemutusan padi oleh kilang swasta di sini sudah ditetapkan pada kadar 20 peratus.

"Oleh itu, dengan harga tinggi ditawarkan, pesawah lebih memilih kilang swasta bagi menjual hasil padi. Tiada jualan melalui orang tengah, tetapi terus kepada pengilang swasta di



**PESAWAH** di Paya Sepayang dan Setajam di Rompin, Pahang memilih menjual padi kepada kilang swasta yang menawarkan harga RM1,500 satu tan metrik tan musim ini.

sini," katanya di sini semalam.

Fazli berkata, kewujudan kilang swasta di sini memberi pilihan kepada pesawah untuk menjual hasil padi mereka tanpa perlu bergantung kepada satu pihak sahaja.

"Mana-mana pihak yang menawarkan harga lebih baik, itu pesawah akan pilih ketika ini terutama mereka yang hanya memperoleh hasil padi antara tiga ke

lima tan metrik," katanya.

Seorang lagi pesawah dikenali sebagai Hakim, 39, berkata, pesawah tiada pilihan dan terpaksa memilih kilang swasta yang menawarkan harga lebih tinggi.

Dia berkata, musim ini, isu padi angin terus membelenggu golongan pesawah di Paya Sepayang sekali gus menjejaskan hasil.

## Infrastruktur, ketahanan tanah antara cabaran tanam padi lima kali dua tahun

**ALOR SETAR:** Keupayaan infrastruktur yang terlalu 'berusia' di negeri-negeri utara Semenanjung antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan dalam melaksanakan penanaman padi lima kali dua tahun demi meningkatkan pengeluarannya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, selama ini, penyelenggaraan serta naik taraf infrastruktur menghantui petani dalam memastikan mereka mempunyai hasil terbaik setiap kali menuai.

Menurutnya, antara infrastruktur yang dimaksudkan adalah sistem pengairan yang tidak efektif sehingga mengakibatkan berlaku pembaziran air apabila dilepaskan dari empangan.

"Selain itu, di Kedah juga ada kawasan yang tinggi dan ada pula terlalu rendah. Di kawasan rendah akan mudah banjir dan menyebabkan

padi tenggelam apabila hujan lebat.

"Itu antara perkara yang perlu diberi perhatian. Lakukan sesuatu di kawasan-kawasan rendah supaya usaha menanam padi untuk lima kali dalam tempoh dua tahun tidak sia-sia," katanya ketika dihubungi.

Akhbar ini melaporkan, ketika dunia berdepan kenaikan harga beras tertinggi dalam tempoh 15 tahun, rakyat boleh menarik nafas lega apabila usaha kerajaan meningkatkan pengeluaran padi melalui sistem penanaman lima kali dalam tempoh dua tahun semakin membuahkan hasil.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, sistem penanaman itu juga berisiko menyebabkan tanah yang selama ini elok menjadi mudah jerlus akibat tidak cukup tempoh rehat. "Dianggarkan hanya ada kira-kira 40 hari saja untuk tanah direhatkan sebelum penanaman berjalan semula," katanya.

# Perlu bimbingan Jabatan Pertanian tingkat hasil ladang durian

Syor wujud kilang proses 'raja buah' jenis premium mampu kawal harga, lambakan

Oleh Muhammad Zalsyamii Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Gerik:** Bantuan dan bimbingan Jabatan Pertanian dilihat mampu merealisasikan hasrat mewujudkan kilang pemprosesan durian jenis premium di Pengkalan Hulu, di sini.

Kewujudan kilang itu berupaya mengawal harga dan lambakan 'raja buah' berkenaan memandangkan ia dapat dijual sepanjang tahun berbanding mengikut musim.

Datuk Poo Tak Kiau, 69, yang mengusahakan projek ladang durian seluas lebih 200 hektar di Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, berkata bagi hasrat itu bantuan agensi dan jabatan kerajaan baik pada peringkat negeri, mahupun pusat sangat diperlukan, khususnya berkaitan subsidi jentera serta hal penge-

**2030  
PERAK  
SEJAHTERA**

caualan cukai.

"Subsidi untuk mesin jentera bertujuan supaya penanaman menggunakan kaedah dan sistem moden terutama bagi pembersihan kawasan, membuat 'terain' (teres lereng), selain sistem pam (pengairan), dan pembajaan yang mana kebanyakannya diperoleh secara import dari negara luar," katanya kepada *BH*.

Tak Kiau adalah pengusaha tanaman durian berdaftar dengan Jabatan Pertanian, setakat ini bantuan berjumlah RM40,000 sudah disalurkan kepada syarikatnya, Bena Terra Sdn Bhd serta Bena Terra Plantation Sdn Bhd.

Projek ladang durian yang diusahakannya sejak 2018 dan sudah diiktiraf melalui Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP), sudah mencatatkan hasil pengeluaran tahunan pertama pada tahun lalu, iaitu sebanyak satu tan manakala bagi tahun terkini, enam

tan metrik.

Dibantu 74 pekerja, jenis klon durian yang ditanam adalah D197 sebanyak 12,410 pokok; D24 (850 pokok); D200 (340 pokok); dan lain-lain klon (3,400 pokok); dengan hasil perolehan tahunan bagi tahun terkini, meningkat enam kali ganda berbanding hasil perolehan untuk tahun pertama projek iaitu sepanjang tahun lalu (2022).

Hasrat mewujudkan kilang pemprosesan durian jenis premium di Pengkalan pernah diutarakan oleh bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Hulu, Datuk Aznel Ibrahim yang dilaporkan berkata, setakat Julai 2022, terdapat lebih 2,023 hektar tanaman durian jenis Musang King dan Duri Hitam yang sudah berbuah di Pengkalan Hulu dan jumlah berkenaan bakal bertambah kepada 4046.8 hektar dalam tempoh dua tahun.

Aznel ketika itu dilapor mencadangkan agar ada sebuah kilang untuk memproses raja buah berkenaan, termasuk untuk membolehkan ia disejuk beku secara sejoli buah berbanding untuk agar boleh disimpan selama enam bulan untuk kegunaan ketika bulan musimnya.

Beliau turut mencadangkan, agar kilang durian berkenaan dibina di atas tanah seluas 404.6



Tak Kiau ketika ditemui di ladang durian miliknya.

hektar milik Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) di Mukim Belukar Semang, Pengkalan Hulu yang pada masa itu dalam proses diusahakan untuk tanaman durian Musang King.

## Jadi buruan pelancong

Aznel berkata, durian Pengkalan Hulu bukan sahaja digemari pelancong tempatan, malah turut menjadi buruan pelancong negara jiran seperti Thailand, selain dari China.

Jabatan Pertanian dan Perak SADC kedua-duanya diletakkan sebagai agensi peneraju menerusi 'flagship' Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan), termasuk di bawah segmen Hab Agropelancongan dalam pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 cetusan Men-

teri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Mei tahun lalu, media melaporkan Jabatan Pertanian menganggarkan pengeluaran durian di negara ini dijangka meningkat kepada 493,397 tan menjelang 2025 ekoran penggunaan teknologi tinggi atau teknologi pertanian pintar seperti sistem Internet Benda atau IoT dalam proses pengairan dan pembajaan.

Pengusaha tanaman durian sememangnya digalakkan untuk mendaftar dengan Jabatan Pertanian bagi membolehkan data berkaitan seperti jumlah dan keluasan tanaman diperoleh dengan tepat, selain memudahkan bantuan seperti baja disalurkan kepada penanam. Berbanding ketika ini, angka berkaitan tanaman dibuat secara anggaran sahaja.

# Beras Ganu jadi pilihan utama pengguna

**Kuala Terengganu:** Kenaikan harga beras mendorong pengguna di negeri ini beralih memilih produk keluaran tempatan negeri ini, Beras Ganu sebagai pilihan utama.

Tinjauan ke sebuah pasar raya di Kampung Losong, di sini yang menjual produk keluaran anak syarikat kerajaan negeri Terengganu mendapati harga Beras Ganu dijual dengan harga RM26 bagi 10 kilogram (kg), manakala RM13 untuk lima kg.

Pesara kerajaan, Zainudin Mohamad, 63, berkata disebabkan kenaikan harga mendadak membuatkan dia memilih Beras Ganu yang jauh lebih murah.

"Saya mahu mencuba Beras Ganu selepas melihatnya tular di media sosial beberapa hari lalu dan kebetulan datang ke Kuala Terengganu atas urusan di hospital, saya mengambil peluang datang membeli beras ini," katanya yang ditemui, di sini semalam.

Bagi Wan Muhammad Luqman Afif, 27, beliau mengakui peningkatan harga beras memberi kesan kepada keluarga



Orang ramai membeli Beras Ganu di sebuah pasar raya di Kampung Losong, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

yang mempunyai isi rumah ramai dan bernasib baik dapat membeli lima kg Beras Ganu.

"Biasanya sebelum ini saya membeli beras 10kg pada harga di bawah RM28, namun sekarang ada yang sudah mencecah

RM47, sekali gus membebankan pengguna," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Syarikat Al-Amin Barokah Sdn Bhd, Awang Ludin Mohamad, berkata pihaknya kali terakhir menerima bekalan Beras

Ganu pada Sabtu lalu sebanyak 1,400 kampil.

Beliau berkata, bekalan itu tiba dari kilang pada jam 3 petang dan habis dijual dalam tempoh dua jam sahaja, sekali gus mencatatkan permintaan luar

biasa hingga melebihi 10 kali ganda.

"Sebelum ini kami hanya mendapatkan bekalan 400 hingga 600 kampil Beras Ganu sahaja dan jualan tidaklah seperti sekarang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

# Pekebun lega TPM arah henti segera AP kelapa

Oleh AIN SAFRE BIDIN  
utusannews@mediamula.com.my

**BAGAN DATUK:** Pekebun dan peraih kelapa di sini lega dengan tindakan segera kerajaan yang menghentikan pemberian permit import atau AP kelapa bagi membantu mereka yang berdepan masalah lambakan buah itu yang tidak terjual akibat kemasukan kelapa import dari Indonesia yang lebih murah.

Pengusaha kelapa di Kampung Sungai Baru di sini, Mohd. Rashidi Mat Dani berkata, pengumuman oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang mengarahkan pemberian permit import atau AP kelapa dihentikan dengan segera bagi menjaga harga dan penghasilan kelapa tempatan disambut baik oleh pekebun.

Menurutnya, ini menunjukkan Ahmad Zahid yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk benar-benar prihatin terhadap masalah yang dihadapi pekebun kelapa di sini.

"Kami lega dan menyambut

baik pengumuman Timbalan Perdana Menteri, semalam. Saya percaya beliau sebagai anak Bagan Datuk benar-benar memahami kesusahan yang kami alami kerana kelapa yang tidak terjual.

"Harapan saya agar orang kampung yang mengusahakan kelapa lebih terbela dengan tindakan segera kerajaan ini.

"Jika permit import dihentikan, sudah tentu harga kelapa tempatan boleh dikawal dan menjadi lebih baik, Alhamdulillah, kerajaan membela nasib kami pekebun kelapa," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, Ahmad Zahid mengarahkan pemberian permit import atau AP kelapa dihentikan dengan segera bagi menjaga harga dan penghasilan kelapa tempatan.

Beliau akan meminta supaya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berbuat demikian dengan segera.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan mengenai kesukaran pekebun dan peraih di Bagan Datuk memasarkan kelapa berikutan harganya yang rendah.



**PEKEBUN** di Bagan Datuk menunjukkan lambakan kelapa yang tidak terjual kesan kemasukan buah itu dari Indonesia yang lebih rendah. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

## Wanita Bangladesh ditahan bawa masuk biji benih bayam tanpa sah

**SEPANG:** Seorang wanita warga Bangladesh ditahan ekoran membawa masuk biji benih tanpa dokumen sah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, sejumlah 75 pakej biji benih bayam dianggarkan bernilai RM1,000 dirampas dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Katanya, biji benih itu tidak mempunyai dokumen Import Permit dan Sijil Fitosanitasi bagi tujuan ditanam di negara ini berisiko merosakkan industri pertanian dalam negara jika tidak dikawal sebaiknya.

"Penahanan biji benih ini adalah bertujuan mengawal kemasukan perosak, penyakit dan kulat pada biji benih.

"Hal ini boleh menyebabkan pihak kerajaan menanggung kerugian yang tinggi jika penyakit ini tidak dikawal," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau menjelaskan, perbuatan membawa masuk biji benih tanpa permit yang sah dari MAQIS merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

Katanya, jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya.

## 300 papan telur, ayam licin dalam setengah jam di Kuala Langat



ABDUL RAZAK (tengah) menunjukkan telur ayam yang dijual sempena Jualan Agro Madani PPK Kuala Langat semalam.

**KUALA LANGAT** – Sebanyak 300 papan telur dan 300 ayam bulat yang dijual pada harga RM10 'licin' dalam tempoh setengah jam selepas diserbu pengunjung sempena Jualan Agro Madani Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, di sini semalam.

Menurut Pengerusinya, Dr. Abdul Razak Khasbullah, jualan itu bertujuan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat akibat kenaikan harga barang makanan asas.

Katanya, orang ramai mula beratur sejak pukul 7.30 pagi bagi mendapatkan barangan keperluan tersebut yang dijual lebih

murah daripada harga pasaran. "Harga sepapan telur di sini memang murah kira-kira RM13, manakala ayam bulat RM16.50 seekor, memang murah.

"Pada program ini, kita turut menjual secara kombo bagi sayuran seperti cili, kacang bendi, tomato pada harga dibawah RM10. Sekilogram daging pula dijual dengan harga RM38 berbanding harga pasaran lebih RM40," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian program oleh Timbalan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri, Abdul Razak Said di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang, Jalan

Waja Teluk Panglima Garang di sini, semalam.

Jelas Abdul Razak, fokus Jualan Agro Madani juga untuk menjamin ketersediaan bekalan agromakanan dan memberi pilihan kepada pengguna dapatkan bekalan pada harga yang berpatutan.

"Bukan kita hendak bersaing dengan peniaga di luar tetapi hendak bantu isi rumah dapatkan barang keperluan lebih jimat dan berbaloi.

"Kita hendak kurangkan la-pisan perantara pasaran dari sumber pengeluaran terus kepada pengguna agar ia dapat dijual lebih murah," ujarnya.



# Wanita Bangladesh diberkas seludup benih bayam

**PUTRAJAYA** – Seorang wanita warga Bangladesh ditahan selepas membawa masuk biji benih tanpa dokumen sah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA1) pada Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, sejumlah 75 pakej biji benih bayam dianggarkan bernilai RM1,000 dirampas dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Katanya, biji benih itu tidak mempunyai dokumen Import Permit dan Sijil Fitosanitasi bagi tujuan ditanam di negara ini berisiko merosakkan industri pertanian dalam negara jika tidak dikawal sebaiknya.

“Penahanan biji benih ini adalah bertujuan mengawal ke-masukan perosak, penyakit dan kulat pada biji benih.

“Hal ini boleh menyebabkan pihak kerajaan menanggung kerugian yang tinggi jika



**BUNGKUSAN biji benih sawi yang dirampas oleh Maqis di KLIA, Sepang Jumaat lalu.**

penyakit ini tidak dikawal,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelasnya, perbuatan membawa masuk biji benih tanpa permit yang sah dari Maqis merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

Tambahnya, jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

# Pengeluaran makanan dipertingkat - PM

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
dan **MOHD. FADHLI SULAIMAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kecekapan pengurusan pengeluaran makanan akan dipertingkat untuk mengoptimalkan penggunaan tanah pertanian yang merupakan antara anjakan pertumbuhan tinggi, bernilai tinggi (HGHV) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan komited untuk mengukuhkan kemandirian dan keterjaminan makanan dan meningkatkan daya saing sektor pengeluaran makanan tempatan melalui automasi dan pendigitalan.

“Keterjaminan makanan akan terus diperkukuh melalui pelaksanaan projek pengeluaran pertanian moden yang berskala besar,” katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK12 di Dewan Rakyat di sini semalam.

Antara usaha itu ialah tanaman padi lima kali dalam dua tahun di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah dengan pelaburan sebanyak RM3 bilion.

Mengenai subsidi, Perdana Menteri berkata, subsidi dan bantuan secara bersasar kepada



**ANWAR Ibrahim (kiri) bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menunjukkan buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Bangunan Parlimen, semalam. - UTUSAN/ FARIZ RUSADIO**

rakyat akan diselaraskan melalui Sistem Pangkalan Data Utama (Padu) bagi meningkatkan kecekapan dan pemantauan.

Katanya, penjimatan daripada subsidi yang lebih bersasar dapat diagihkan semula bagi kepentingan rakyat.

“Jaminan diberikan bahawa rakyat yang kurang bernasib baik kekal menjadi keutamaan Kerajaan untuk diselamatkan dan akan terus dibantu,” katanya.

Dalam pada itu, kerajaan ya-

kin sasaran membina 500,000 unit rumah mampu milik dalam RMK12 akan tercapai.

Anwar berkata, selain itu, inisiatif penyediaan tempat tinggal secara sewaan kepada golongan yang kurang berkemampuan di kawasan bandar utama yang dilaksanakan di beberapa tempat seperti di Johor dan Selangor akan diperluaskan.

“Sehingga akhir tahun 2022, sebanyak 108,373 unit rumah mampu milik telah dibina,” kata beliau.

# Nelayan Pulau Pinang kecewa

Rayuan semak semula keputusan EIA bagi PSI belum didengar

Oleh SYAJARATULHUDA  
MOHAMAD ROSLI  
GEORGETOWN

**N**elayan Pulau Pinang amat kecewa apabila rayuan mereka untuk menyemak semula keputusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi Projek Pulau Pinang Selatan (PSI) masih belum didengar oleh Lembaga Rayuan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Timbalan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (PenMutiara), Zakaria Ismail berkata, walaupun rayuan tersebut dibuat pada April lalu, namun sehingga kini, ia belum didengar malah kerajaan negeri sudah memulakan kerja awal di



Nelayan di Pulau Pinang meminta kerajaan negeri menunggu keputusan rayuan mereka terlebih dahulu sebelum memulakan kerja awal di tapak projek.

agensi-agensi terlibat, kerja-kerja persediaan awalan tambahan bagi projek akan dimulakan pada 1 September lalu dan diteruskan sehingga kerja-kerja berkaitan disiapkan.

Mengulas lanjut, Zakaria berkata, Lembaga Rayuan JAS juga sewajarnya memberi laluan kepada nelayan dengan mendengar rayuan dikemukakan supaya adil dan kerajaan negeri turut berpuas hati dengan proses yang berjalan.

Bellau turut meluahkan kekesalannya apabila kerajaan negeri mengumumkan kerja-kerja persediaan awalan tambahan bagi projek akan dimulakan pada 1 September lalu.

"Pulau yang bakal dibina ini langsung tidak mendapat persetujuan daripada nelayan setempat. Nelayan sangat kecewa dan terkilan apabila mendengar pengumuman kerajaan negeri baru-baru ini.

"Kami (golongan nelayan) sebagai pemegang taruh, sepatutnya mereka (kerajaan) mendengar rayuan kami," katanya.

bagi projek Pulau Siliikon telah memperolehi kelulusan rasmi daripada JAS Pulau Pinang pada 21 Julai lalu.

Kelulusan itu adalah susulan daripada kelulusan Laporan EIA bagi Projek PSI yang telah diberi kelulusan dengan 71 syarat oleh JAS pusat melalui surat bertarikh 11 April 2023.

Dengan kelulusan daripada

ia seolah-olah telah ketepikan rayuan yang kami kemukakan.

"Jadi rayuan yang kami buat kepada Lembaga Rayuan JAS, tiada guna lagi kerana kerajaan negeri tidak mahu dengar suara pemegang taruh," katanya ke-

pada *Sinar Harian* pada Isnin. Sebelum ini, kerajaan Pulau Pinang mengumumkan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)

tapak projek berkenaan.

Menurutnya, PenMutiara juga tidak dimaklumkan mengenai perkembangan rayuan berkenaan dan ia seolah-olah senyap sehingga hari ini.

"Kami tidak mendapat maklum balas daripada Lembaga Rayuan JAS, apabila kerajaan negeri kata mereka akan mulakan kerja-kerja awal tambahan,